

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status bantuan bayaran utiliti tambahan yang juga merangkumi pembentungan sebanyak RM12 juta kepada sekolah bantuan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2020, peruntukan kepada Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) bagi membiayai bil utiliti adalah sebanyak RM32 juta, di mana RM12 juta daripada jumlah ini adalah bagi membiayai bil pembetulan. Pada bulan Januari 2020, sebanyak RM16.8 juta telah disalurkan kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri dan baki peruntukan akan disalur berdasarkan kepada permohonan.

Pembayaran bil ini melibatkan sebanyak 1,207 buah SBK. Pembayaran bil dibuat oleh Pejabat Pendidikan Daerah atau sekolah berdasarkan bil sebenar, termasuk juga bil pembetulan yang dikemukakan oleh SBK. Had maksimum bayaran bil sebulan bagi setiap sekolah adalah RM5,000.

Sekian, terima kasih.